

PM: Tindakan setengah negara perketat peraturan imigresen tak adil

KUALA LUMPUR, 29 Sept. — Malaysia mempersoalkan tindakan sesetengah negara memperketatkan peraturan imigresen ke atas Malaysia dengan alasan untuk mengelak penyalahgunaan pasport.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika bersandarkan alasan itu, kenapa ia ditimbulkan sekarang sedangkan perkara tersebut sudah berlaku sejak dahulu.

Beliau menyifatkan tindakan negara berkenaan, yang terbaru oleh Kanada mengenakan peraturan imigresen yang ketat ke atas Malaysia sebagai tidak adil.

"Ia tidak adil, macam mana hendak dikatakan adil," kata beliau dalam sidang akhbar sekembalinya bersama isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dari Copenhagen, Denmark dan Eropah, di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, dekat sini, hari ini.

Menurut beliau, langkah itu tidak wajar jika negara berkenaan beranggapan bahawa ia semata-mata untuk menangani keganasan.

Beliau mengulas langkah AS yang akan mula mendaftar dan mengawasi orang asing yang gagal menjelaskan tujuan lawatan mereka ke Malaysia serta beberapa negara lain seperti Indonesia, Arab Saudi, Mesir, Iraq dan Iran mulai bulan depan.

Selain AS, paling terbaru Kanada mengenakan visa ke atas rakyat Malaysia yang disifatkan Perdana Menteri sebagai "amat malang kepada negara."

"Ini amat malang, kita sangkakan rakyat Kanada mempunyai hubungan cukup baik dengan rakyat kita (Malaysia).

"Rupa-rupanya mereka (Kanada) mengenali kita tetapi kita tidak mengenali siapa mereka," tambah beliau.

Ditanya lebih lanjut alasan Kanada bahawa langkah berkenaan dibuat kerana pasport Malaysia mudah disalahgunakan, Dr. Mahathir mempersoalkan kenapa tindakan tersebut baru dilakukan sekarang.

Diskriminasi

"Perkara ini sudah wujud sejak dahulu lagi dan mereka tidak pula mendiskriminasi kita, kenapa sekarang baru ditimbulkan," soal beliau.

Mengenai soalan apakah tindakan yang diambil oleh Malaysia dalam menangani keganasan tidak dihargai, beliau berkata, setiap langkah yang diambil bukannya untuk dihargai tetapi kerana ia merupakan tindakan yang betul.

Mengulas tentang Malaysia yang tidak lagi menduduki senarai 25 negara teratas bagi pelaburan langsung asing (FDI) selepas berada pada kedudukan ke-22 sebelum ini, Dr. Mahathir berkata:

"Tidak banyak pelaburan yang dibuat sebenarnya dan sebab itu di dalam Bajet 2003, saya tekankan kepada ekonomi domestik," kata beliau.

Mengulas pilihan raya kecil Parlimen Gaya, Sabah, beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, calon BN akan diketahui sebelum tarikh penamaan calon pada 3. Oktober ini.

Katanya, BN belum lagi mengenal pasti calon yang sesuai untuk bertanding mempertahankan kerusi kawasan tersebut.

"Saya baru balik. Saya tak tahu lagi," jelasnya.

Ditanya sama ada calon Parti Maju Sabah (SAPP) akan dikekalkan bagi mempertahankan kerusi pada pilihan raya kecil itu, katanya: "Tengoklah."

Kerusi Parlimen Gaya kosong apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mendapati bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen Gaya selepas Mahkamah Persekutuan menolak rayuannya berhubung kesalahannya terbabit dalam rasuah.

Pengerusi SPR, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman sebelum ini berkata, pihaknya menetapkan 3 Oktober sebagai hari penamaan calon manakala 12 Oktober ini sebagai tarikh pengujaan undi.